

## Kebolehpasaran Pelajar Selepas Menjalani Latihan Industri bagi Program Diploma Teknologi Maklumat Politeknik Sultan Idris Shah: Era Pascapandemik

Nur Farahida Tahrir<sup>1</sup>, Nur Atiqah Mohd Nasir<sup>1</sup>, Nurul Su'aidah Ahmad Radzali<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup>Politeknik Sultan Idris Shah,  
Sungai Lang, Sungai Air Tawar, 45100, MALAYSIA

\*Corresponding Author Designation

DOI: <https://doi.org/10.30880/ritvet.2023.03.01.003>

Received 31 March 2023; Accepted 04 June 2023; Available online 30 June 2023

**Abstrak:** The study on the employability of students after completing industrial training (IT) is conducted every semester to identify the employability status and level of soft skills of students after completing IT. This study aims to identify the percentage of IT graduates who are offered employment by employers, as well as the reasons and percentage of students who reject job offers. However, this study emphasizes the employability of IT graduates in the post-pandemic era. An online survey was used as the research instrument, and the data were analyzed using the Looker Studio web software. A total of 83 students from the Diploma in Information Technology (DDT) program at Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) who completed IT in the post-COVID-19 pandemic era in July 2022 participated in this study. The findings of the study showed that 34.9% (29 students) of DDT, PSIS students received job offers, 27.7% (23 students) continued their studies at the degree level, and 31.3% (26 students) were actively seeking employment. Out of the 29 students who received job offers, 82.8% accepted the offers, while 17.2% rejected them. Students rejected job offers because they wanted to further their education or search for job offers in other organizations. Overall, the employability of IT graduates in the field of DDT at PSIS is at a moderate level due to many students deciding to continue their studies.

**Keywords:** Graduate Employability, Information Technology, Technical Skills, Post-Pandemic

**Abstrak:** Kajian kebolehpasaran pelajar selepas tamat menjalani latihan industri (LI) merupakan kajian yang dijalankan pada setiap semester bagi mengenal pasti status kebolehpasaran dan tahap kemahiran insaniah pelajar selepas tamat LI. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti peratus pelajar lepasan LI yang ditawarkan bekerja oleh majikan serta punca dan peratus pelajar menolak tawaran pekerjaan.

Walau bagaimanapun, dalam kajian ini menekankan kebolehpasaran pelajar lepasan LI pada era pasca pandemik. Soal selidik secara dalam talian digunakan sebagai instrumen kajian dan dianalisis menggunakan perisian laman sesawang Looker Studio. Seramai 83 orang pelajar Diploma Teknologi Maklumat (DDT) Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) telah tamat menjalani LI era pasca pandemik COVID-19 pada Julai 2022 terlibat dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa peratus pelajar DDT, PSIS yang menerima tawaran pekerjaan adalah sebanyak 34.9% (29 orang), 27.7% (23 orang) melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah, dan 31.3% (26 orang) pula sedang mencari pekerjaan. Daripada 29 orang yang menerima tawaran, sebanyak 82.8% pelajar yang menerima dan 17.2% pelajar yang menolak tawaran. Pelajar menolak tawaran kerana ingin melanjutkan pelajaran dan mencari tawaran pekerjaan di organisasi yang lain. Secara keseluruhannya, kebolehpasaran pelajar lepasan LI dalam bidang DDT di PSIS adalah pada tahap sederhana baik kerana ramai pelajar yang mengambil keputusan untuk melanjutkan pengajian.

**Kata kunci:** Kebolehpasaran Graduan, Teknologi Maklumat, Kemahiran Teknikal, Pasca Pandemik

## 1. Pengenalan

Pandemik COVID-19 yang mula melanda negara pada awal tahun 2020 menyaksikan perubahan ekstrem kepada beberapa cabang bidang termasuk sistem pendidikan negara. Menerusi Sambutan Hari Kemahiran Belia Sedunia pada tahun 2021, aspek daya tahan dan kreativiti belia dalam bidang teknikal dan vokasional (TVET) untuk menghadapi krisis semasa era pandemik turut diperkemas. Era pandemik memberikan kesan yang mendalam terhadap bidang TVET baik kepada institusi pengajian mahupun pihak industri (Ridzuan & Nassir, 2020). Kaedah pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas yang berbentuk teknikal terpaksa dihentikan sepenuhnya semasa fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan dilaksanakan semula secara beransur-ansur apabila memasuki fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN). Krisis ini merencatkan momentum institusi TVET yang sedang rancak berkembang dan beraksi cemerlang. Justeru, pelbagai inisiatif giat dijalankan bagi memastikan kecemerlangan yang telah dicapai dapat digapai semula (Mazlan et al., 2020).

Sebagai salah sebuah organisasi yang menyediakan pendidikan TVET, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) turut proaktif membangunkan institusi di era pasca pandemik bertepatan dengan visi JPPKK untuk menjadi peneraju institusi TVET yang unggul. Visi ini turut disokong dengan menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf dan melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Selain menekankan aspek pengajaran dan pembelajaran, para pelajar turut dibimbing dan didedahkan dengan kemahiran berkomunikasi, kemahiran hidup, mahupun kemahiran insaniah bagi melahirkan graduan yang berkemahiran tinggi dan serba boleh. Kreadibiliti JPPKK dalam menyediakan graduan TVET yang mantap harus lebih diperkemas terutamanya dalam era pasca pandemik yang serba mencabar ini. Melalui kajian yang dijalankan, tahap kebolehpasaran pelajar dapat diukur dan dijadikan sebagai panduan bagi institusi untuk merangka aktiviti mahupun program untuk para pelajar sebagai persediaan menghadapi latihan industri dan seterusnya pasaran kerja.

### 1.1 Penyataan Masalah

Masalah pengangguran dan kesukaran mendapat pekerjaan dalam kalangan graduan bukan merupakan satu isu yang baru. Isu ini telah menarik minat banyak penyelidik untuk meneliti dan mengenalpasti punca sebenar yang membawa kepada masalah pengangguran graduan di negara ini. Mutakhir ini, isu kebolehpasaran pelajar di era pasca pandemik COVID-19 semakin dipandang serius dan telah menjadi topik perbualan yang hangat ekoran daripada kadar peningkatan pengangguran di

kalangan pelajar institusi pengajian tinggi sama ada di kolej komuniti ataupun di politeknik. Peningkatan kadar pelajar yang belum mendapat pekerjaan akan menyebabkan negara berdepan dengan cabaran pengangguran dalam golongan belia. Berdasarkan Laporan Tinjauan Ekonomi, Kementerian Kewangan Malaysia 2017, sebelum era pandemik COVID-19 belia bumiputera berpendidikan tinggi merekodkan kadar pengangguran tertinggi pada tahun 2017 meliputi 4.6% (“Pengangguran Graduan Bumiputera Tinggi,” 2019). Pertambahan institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta bilangan pelajar yang memasuki pusat pengajian tinggi juga, telah meningkatkan lagi tekanan terhadap persaingan untuk mendapatkan pekerjaan dalam pasaran. Namun demikian, sekiranya peningkatan bilangan graduan tidak disertai dengan peluang pekerjaan yang selaras dengan kelulusan dan bidang pengajian, ianya boleh menimbulkan tanggapan bahawa pendidikan tinggi di sesebuah negara itu kurang berjaya dalam menghasilkan tenaga kerja yang sepadan dengan keperluan pasaran.

Atas dasar ini, kajian deskriptif dijalankan untuk menganalisis status kebolehpasaran pelajar selepas menjalani LI bagi program Teknologi Maklumat PSIS di era pasca pandemik. Ini melibatkan pelajar yang ditawarkan pekerjaan, sedang mencari pekerjaan, bakal melanjutkan pelajaran, pelajar yang tidak ditawarkan pekerjaan dan sama ada pelajar yang berminat dalam bidang keusahawanan. Kajian ini amat diperlukan sekaligus dapat dijadikan panduan kepada pelajar dan kesedaran kepada warga politeknik akan keberkesanan sistem pendidikan yang ada di politeknik sebagai peneraju pendidikan TVET untuk terus melahirkan tenaga mahir tempatan yang berkemahiran tinggi dan meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan akan datang selepas era pandemik COVID-19 (Pendidikan, 2020).

## 1.2 Objektif Kajian

Bagi merealisasikan kajian ini, terdapat dua objektif kajian iaitu:

- i. Mengenal pasti peratus pelajar Diploma Teknologi Maklumat PSIS yang ditawarkan pekerjaan selepas tamat latihan industri di era pasca pandemik.
- ii. Mengenal pasti punca dan peratus pelajar Diploma Teknologi Maklumat PSIS yang menolak tawaran pekerjaan selepas tamat latihan industri.

## 1.3 Sorotan Kajian

Keadaan masa kini bagi era pasca pandemik sangat memberi kesan kepada bakal graduan. Ini kerana ia menjadi antara cabaran besar bagi graduan untuk mendapatkan pekerjaan selepas tamat pengajian dan perlu untuk memenuhi keperluan pasaran kerja. Bakal graduan terpaksa berlumba dengan ramai penganggur yang telah diberhentikan kerja serta bersaing dengan rakan-rakan mereka yang diberhentikan akibat pandemik ini. Menurut Menteri Pengajian Tinggi Noraini Ahmad (2020), akibat pandemik COVID-19, lebih 75,000 bakal graduan dijangka terkesan daripada kemelesetan ekonomi global. Jangkaan dikukuhkan lagi dengan statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, daripada Februari 2020 hingga Mac 2020 angka peratusan ini meningkat secara mendadak dari 3.3% kepada 3.9% (Berita Harian, 7 Julai 2020). Kebolehpasaran adalah merupakan satu konsep yang mengandungi pelbagai dimensi yang sangat luas dan kompleks. Kecenderongan bakal majikan mengutamakan graduan memiliki kemahiran insaniah mempengaruhi kadar kebolehpasaran graduan dari pusat pengajian tinggi (Shaharuddin et al. 2010; Saemah et al. 2011; Vos et al. 2011), di samping kecekapan tenaga kerja dan kemahiran (Amla 2010, Ayiesah et al. 2010). Menurut Fatima (2016), kebolehpasaran adalah keupayaan individu untuk kekal dalam pekerjaan tersebut selepas mendapatkan pekerjaan serta mampu menyesuaikan diri dengan kehendak industri. Manakala Mohd Yusof et al. (2015), menyatakan kebolehpasaran adalah kemahiran yang diperlukan untuk memenuhi dan memperlengkapkan keperluan pekerja.

Kajian mengenai kebolehpasaran graduan pada masa kini adalah sangat penting kerana ianya dapat memberi banyak faedah bukan sahaja kepada institusi pengajian tinggi tempatan di Malaysia tetapi juga di kalangan graduan sendiri. Antara faktor kritikal yang boleh mempengaruhi peluang untuk mendapatkan pekerjaan termasuklah tahap kualiti pendidikan, kesediaan majikan untuk mengambil

graduan tempatan, pertumbuhan dan pembangunan ekonomi Malaysia dan kualiti graduan itu sendiri (Muhammad Hazrul, 2012). Para graduan dituntut untuk melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran, menonjolkan kebolehan diri, dan kelulusan akademik yang baik bagi memenuhi pasaran kerja. Graduan cenderung menghadapi kegagalan disebabkan hanya menunjukkan kelayakan akademik semata-mata dan tidak menunjukkan kemahiran kebolehpasaran diri masing-masing. Graduan yang boleh menghadapi cabaran dengan melaksanakan pelbagai tugas dan bergerak ke hadapan adalah menjadi keutamaan (Mohamad Sattar & Puvanasvaran 2009; G. K. G. Singh & Singh 2008; Yusof et al. 2012).

Menurut Shahrudin, Noraziah dan Mohd Fauzi (2011), memiliki kerjaya sejurus seorang graduan menamatkan pengajian di sesebuah pusat pengajian tinggi adalah salah satu ukuran kebolehpasaran graduan. Status bekerja dan pekerjaan graduan adalah jaminan kelangsungan hidup mereka yang telah melalui proses pembangunan modal insan semasa belajar bagi mengisi pelbagai jawatan yang diperlukan untuk pembangunan nasional. Selain itu juga, Amla (2010) turut menyatakan bahawa kerjaya adalah pengalaman bekerja yang mempunyai kaitan dengan pilihan gaya hidup yang mempengaruhi kesejahteraan diri, dan dengan itu pilihan kerjaya adalah satu perancangan penting dalam kehidupan seseorang.

## **2. Metodologi**

Bahagian ini menerangkan semua maklumat yang diperlukan untuk mendapatkan hasil kajian. Ia terdiri daripada reka bentuk penyelidikan, instrumen penyelidikan, dan populasi kajian seperti yang dinyatakan.

### **2.1 Reka Bentuk kajian**

Rekabentuk kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif. Data dianalisis menggunakan perisian laman sesawang yang boleh digunakan secara percuma iaitu Looker Studio. Looker Studio sebelum ini dikenali sebagai Google Data Studio merupakan platform visualisasi data yang dapat menghasilkan laporan yang lebih mudah difahami. Menurut Wiersma & William (2000), kajian berbentuk deskriptif yang dianalisa dengan baik dapat membantu perancangan pada masa hadapan selain dapat memberikan maklumat dan gambaran yang lebih tepat terhadap sesuatu keadaan pada masa tertentu.

### **2.2 Instrumen kajian**

Kajian ini menggunakan instrumen berbentuk soal selidik yang dibina oleh Unit Perhubungan dan Latihan Industri, PSIS. Kaedah paling cepat dan mudah untuk memperoleh maklumat bagi menjalankan penyelidikan adalah dengan menggunakan borang soal selidik (Konting, 2000). Borang soal selidik yang digunakan mengandungi 5 bahagian yang berbeza termasuklah soalan berbentuk tertutup dan terbuka.


### **2.3 Sampel Kajian**

Sampel kajian melibatkan 83 orang pelajar Diploma Teknologi Maklumat dari Jabatan Teknologi maklumat dan Komunikasi yang telah tamat Latihan Industri pada Sesi 2 2021/2022 iaitu merupakan pelajar yang menjalani LI semasa era pasca pandemik.

## **3. Analisis Data dan Perbincangan**

Seramai 83 orang pelajar DDT dari Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi berjaya menamatkan Latihan Industri bagi Sesi 2 2021/2022. Berdasarkan Rajah 1, sebanyak 34.9% pelajar telah ditawarkan bekerja oleh majikan semasa menjalani LI manakala 27.7% lagi pelajar akan melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah. Sebanyak 31.3% pelajar yang tidak ditawarkan pekerjaan

dan sedang dalam usaha mencari pekerjaan yang sesuai manakala 4.8% pelajar tidak ditawarkan pekerjaan. Berdasarkan analisa ini, lebih 50% pelajar mempunyai hala tuju sebaik sahaja tamat menjalani LI baik dari segi menerima tawaran kerja, melanjutkan pengajian, dan bekerja sabagai usahawan. Walau bagaimanapun, pelajar yang tidak menerima tawaran tetapi dalam proses mencari pekerjaan turut menunjukkan usaha yang baik untuk memajukan diri masing-masing.



**Rajah 1: Peratus status pelajar selepas tamat LI**

Bilangan sebenar bagi penawaran pekerjaan berdasarkan status adalah seperti yang dinyatakan pada Jadual 1. Jadual menunjukkan 14 daripada 26 orang pelajar yang sedang mencari pekerjaan telah ditawarkan pekerjaan oleh majikan. Berdasarkan maklumbalas yang diterima, para pelajar tersebut masih mencari pekerjaan yang lain kerana ingin cuba mendapatkan suasana pekerjaan yang baru serta meneroka bidang teknologi maklumat dengan lebih meluas. Bagi pelajar yang akan melanjutkan pelajaran, seramai 12 daripada 23 orang pelajar turut ditawarkan bekerja oleh majikan. Data menunjukkan terdapat pelajar yang menerima tawaran menyambung pekerjaan sementara menunggu semester pengajian yang baru bermula dan terdapat juga pelajar yang terpaksa menolak tawaran tersebut untuk memberikan fokus kepada fasa pengajian yang seterusnya. Dapatan ini menunjukkan kadar kebolehpasaran pelajar DDT selepas menjalani LI adalah sederhana baik kerana terdapat sebilangan besar pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran.

**Jadual 1: Status pelajar selepas tamat LI**

Bil	Status Pelajar	Jumlah pelajar	Ditawarkan bekerja	Terima Tawaran	Tolak Tawaran
1	Ditawarkan	29	29	24	5
2	Mencari Pekerjaan	26	14	13	1
3	Melanjutkan Pelajaran	23	12	12	5
4	Tidak Ditawarkan	4	0	-	-
5	Usahawan	1	0	-	-

Berdasarkan hasil analisis data, pihak Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta Unit Perhubungan dan Latihan Industri PSIS boleh merangka strategi serta menganjurkan program yang sesuai sebagai persediaan para pelajar untuk menempuh latihan industri dan seterusnya alam pekerjaan. Program-program yang sedang dan telah dijalankan perlu dikekalkan serta dipertingkatkan lagi supaya pelajar lebih bersedia menempuh alam pekerjaan dalam era pasca pandemik. Walaubagaimanapun, para pelajar sendiri perlu mempunyai tahap kesedaran yang tinggi untuk memajukan diri dan meningkatkan

daya tahan diri dalam alam pekerjaan. Pelajar perlu bersikap proaktif dan selalu menonjolkan kebolehan diri agar dapat dilihat dan dinilai oleh pihak majikan (Ali et al., 2018).

#### 4. Kesimpulan

Secara keseluruhan, hasil dapatan kajian menunjukkan bilangan pelajar lepasan LI bagi Bidang Diploma Teknologi Maklumat di Politeknik Sultan Idris Shah ditawarkan bekerja oleh majikan dalam era pasca pandemic dikategorikan sederhana baik memandangkan banyak syarikat dan industri terjejas semasa berlakunya pandemik COVID-19 yang menyebabkan kadar pengambilan pekerja baru turut menurun. Pelajar yang menolak tawaran pekerjaan turut mempunyai alasan yang munasabah iaitu untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah. Sebilangan kecil pelajar yang tidak ditawarkan bekerja dan belum mengambil inisiatif untuk mencari pekerjaan mahupun melanjutkan pelajaran perlu bersikap lebih proaktif untuk turut bersaing dalam pasaran kerja. Para pelajar seharusnya mengambil peluang yang diberikan sebagai pengalaman awal dalam alam pekerjaan dan tidak terlalu memilih pekerjaan demi meningkatkan kemahiran dan mengembangkan potensi diri dalam bekerja.

#### Penghargaan

Penyelidikan ini dijayakan dengan sumbangan data dari Unit Perhubungan dan Latihan Industri Politeknik Sultan Idris Shah. Penulis juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Politeknik Sultan Idris Shah.

#### Rujukan

- Ali, E., Che' Rus, R., Haron, M. A., & Mohammad Hussain, M. A. (2018). Kebolehpasaran Graduan Pendidikan Teknikal Dan Vokasional: Satu Analisis. *Sains Humanika*, 10(3–3). <https://doi.org/10.11113/sh.v10n3-3.1510>
- Amla Mohd Salleh (2010). Pendidikan Kerjaya dan Pembangunan Modal Insan. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Berita Harian, 7 Julai 2020
- Fátima, S. 2016. Employability Skills of Higher Education Graduates: Little Consensus on a Much-discussed Subject. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 228(June), 169–174.
- Konting, M. M. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- KPM. (2018). Pelan Strategik Politeknik Dan Kolej Komuniti 2018-2025. *Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia*, 1–75. <https://www.mypolycc.edu.my/index.php/muat-turun/penerbitan/send/2-penerbitan/5-psjppkk>
- Mazillah Azleen, M., Masimawati, A. L., Ilyas, M. N., Agalita, J., & Arasy, M. (2020). *Pemeriksaan TVET di Malaysia. Satu Tinjauan*.
- Mohamad Sattar, R. & Puvanasvaran, A. P. 2009. Importance of Employability Skills as Perceived by Employers of Malaysian Manufacturing Industry. *Journal of Human Capital Development*, 2(2), 23–35.
- Mohd Yusof, H., Seri Bunian, M. & Abdul Hamid, A. 2015. Persepsi Pelajar Kejuruteraan Politeknik Terhadap Kemahiran Employability : Satu Kajian Kes ( Polytechnic Engineering Students Perceptions of the Employability Skills : A Case Study ). *Advanced Journal of Technical and Vocational Education*, 1(2), 25–32.
- Muhammad Hazrul Ismail. (2012). Kajian mengenai kebolehpasaran siswazah di Malaysia. Tinjauan dari perspektif majikan. *Prosiding Perkem ke 7*, 906 - 913.
- Pengangguran Graduan Bumiputera Tinggi. (2019). *Engage People Malaysia*.
- Ridzuan, A. A.-M., & Nassir, M. (2020). Kajian Tinjauan Impak Pandemik Covid-19 Terhadap Tahap Kesediaan Pelajar Kolej Komuniti Lahad Datu Bagi Pembelajaran Secara Atas Talian. *Seminar*

*Pembelajaran Sepanjang Hayat Peringkat Kebangsaan , October 2020, 11–20.*

Shaharuddin Ahmad, Noraziah Ali, dan Mohd Fauzi Hamzah, 2011. Kebolehpasaran Graduan UKM: Satu Kajian

Perbandingan Antara Graduan Disiplin Sains dengan Bukan Sains. Jurnal Personalia Pelajar, Bil 14 : 81 - 90

Wiersma, & William. (2000). *Research Methods in Education: An Introduction. 7th Edition.* Ally & Bacon.